

SOALAN NO.: 461 452

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE
KAWASAN : GOPENG

SOALAN:

YB. DR. LEE BOON CHYE (GOPENG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rancangan untuk meningkatkan Jalan A106 antara Simpang Pulai dan Stesen 18.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan A106 ialah merujuk kepada Jalan Lahat ke Pengkalan, Ipoh. Jalan tersebut telah diwartakan sebagai Jalan Persekutuan sebagai FT3150 dan FT3151.

Kementerian ini mengambil maklum mengenai isu kesesakan di laluan tersebut terutama pada waktu puncak. Laluan tersebut termasuk dalam perancangan Kerajaan untuk dinaikkan taraf pada masa hadapan. Skop projek melibatkan naik taraf laluan sedia ada kepada 2 lorong 2 hala ('dual-carriageway') dengan reka bentuk piawaian JKR R5 sepanjang 12km dengan anggaran kos projek sebanyak RM45 juta. Projek ini akan dipohon kepada Agensi Pusat untuk kelulusan dalam tempoh Rolling Plan Kedua (2018-2019), RMKe-11.

Sekian, terima kasih.

SULIT

SOALAN: 453

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. LEE BOON CHYE [
GOPENG]**

SOALAN : 453

YB Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengundi baru setiap tahun mengikut kawasan Parlimen untuk tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih baru yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sejak tahun 2013 sehingga Daftar Pemilih Suku Tahun Keempat Tahun 2015 (ST 4/2015) adalah sebanyak 617,254 orang.

Walau bagaimanapun, maklumat pendaftaran pemilih bagi Daftar Pemilih Suku Tahun Pertama Tahun 2016 (ST 1/2016) tidak dapat disediakan memandangkan ia masih lagi dalam tempoh urusan aktiviti pendaftaran (bulan Januari hingga Mac 2016) dan belum disahkan bagi tujuan pewartaan.

Sekian. Terima kasih.